

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

69 kes tak dapat dikesan punca jangkitan

Satu lagi kematian babit lelaki hadiri perhimpunan di Sulawesi

Putrajaya: Sebanyak 170 kes baharu COVID-19 direkodkan sehingga jam 12 tengah hari semalam, dengan satu kematian.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata dengan rekod kes baharu itu, jumlah kumulatif kes positif COVID-19 di negara ini sebanyak 3,963 kes.

"Sehingga kini, seramai 92 kes positif COVID-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU).

"Daripada jumlah itu, 50 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya pada Sidang Media Harian COVID-19 di sini, semalam.

Beliau berkata, kementerian juga merekodkan 80 kes COVID-19 yang pulih dan dibenarkan pulang, semalam.

Ia menjadikan jumlah kumulatif yang pulih dan dibenarkan

pulang ialah 1,321 kes atau 33.33 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Mengenai kes kematian pula, katanya, dengan satu kes baharu semalam, menjadikan kes kematian kumulatif ialah 63 sehingga tengah hari semalam yang direkodkan oleh Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC).

Katanya, kes kematian baharu itu membabitkan seorang lelaki warga tempatan yang berasal dari Perlis berusia 71 tahun.

"Beliau mempunyai sejarah menghadiri perhimpunan keagamaan di Sulawesi, Indonesia pada 17 hingga 24 Mac lalu dan dirawat di Hospital Enche' Besar Hjh Kalsom, Johor, kelmarin (Ahad).

"Beliau disahkan meninggal dunia pada jam 11 malam tadi (kelmarin). Kementerian Kesihatan mengucapkan takziah kepada ahli keluarga beliau," katanya.

Kementerian juga, katanya, mengesan sebanyak 69 daripada 3,963 kes positif COVID-19 diklasifikasikan sebagai sporadik.

Katanya, ia berikutan pihaknya masih gagal mengenal pasti punca jangkitan terhadap 69 kes terbabit.

Kes sporadik itu dikesan selepas



Dr Noor Hisham pada Sidang Media Harian COVID-19 di Putrajaya, semalam. Turut kelihatan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr Rohaizat Yon (kiri). (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

kementerian menjalankan saringan terhadap 8,025 pesakit penyakit seperti Influenza (ILI) dan Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI).

"Ia bagi mengesan sama ada kes terbabit ada di lapangan atau tidak. Setakat ini, 69 kes positif, manakala 7,956 lagi negatif, selain jumlah kes sporadik ini tidak banyak.

Justeru, petugas kesihatan awam dan swasta dinasihatkan untuk memakai peralatan perlindungan peribadi (PPE) apabila merawat pesakit ILI dan SARI.

"Ada kes sporadik, tetapi apabila kita lihat sejarah, ia ada kaitan sama ada dengan perhimpunan di Seri Petaling atau gereja dan sebagainya. Ini (jika mempunyai kaitan dengan kluster lain) bukan kes sporadik kerana kita dapat kesan mana asal-usul jangkitan.

"Tetapi yang kita tak dapat kesan (punca jangkitan) ialah 69 kes ini. Kita tidak tahu macam mana dia boleh dapat jangkitan," katanya.

Menjawab soalan, waris jenazah kes COVID-19 rakyat Malaysia perlu mengikuti prosedur operasi

standard (SOP) kementerian untuk membawa balik jenazah dari luar negara.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini tiada kematian kes COVID-19 membabitkan warga Malaysia yang meninggal dunia di luar negara.

Beliau juga berkata, kadar kematian pesakit COVID-19 ke wad unit rawatan rapi (ICU) di negara ini hanya lima peratus berbanding 10 peratus yang dicatatkan di negara lain.

Katanya, sejak dari awal lagi pesakit COVID-19 sudah dirawat dengan ubat antimalaria Hydroxychloroquine dan kombinasi Lopinavir dan Ritonavir serta Chloroquine.

Ubat itu terbukti berkesan untuk merawat radang paru-paru dan memulihkan pesakit yang disahkan positif tanpa gejala.

"Ubat berkenaan mengurangkan keradangan dan masalah pernafasan pesakit.

"Malah, kini kita hanya ada 88 kes sahaja di ICU dan selebihnya pesakit pada peringkat satu dan dua yang positif tanpa gejala dan positif dengan gejala," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, hanya

tujuh peratus pesakit kini dirawat pada peringkat ketiga rawatan, iaitu pesakit yang mengalami keradangan, tetapi tidak memerlukan bantuan oksigen.

Katanya, kadar yang pulih dan sembuh pula pada tahap 30 peratus dan kematian hanya 1.6 peratus.

Sementara itu, sempena Hari Kesihatan Sedunia, Dr Noor Hisham mengucapkan terima kasih kepada petugas kesihatan negara, terutama mereka yang di barisan depan merawat dan menyaring kes COVID-19.

"Sekalung penghargaan juga kepada petugas di belakang tabir yang memainkan peranan penting sebagai tulang belakang dalam memastikan kesiapsiagaan dan kelancaran respons di lapangan.

"Sesungguhnya kesihatan adalah tanggungjawab kita bersama kerana setiap sektor adalah sektor kesihatan. Pada hari ini, kita menyoal bagaimana setiap sektor memainkan peranan masing-masing yang kritikal dalam mengurus dan membendung wabak COVID-19 di Malaysia," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : LOKAL

VAS permudahkan pesakit peroleh bekalan ubat

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan perkhidmatan Tambah Nilai Farmasi (VAS) di fasiliti KKM bagi memudahkan pesakit mendapatkan bekalan ubat.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkhidmatan itu disediakan bagi memastikan bekalan ubat suhul kepada pesakit tidak terganggu selain penjarakan sosial dikekalkan.

"KKM menggalakkan pesakit diberikan rawatan ubat untuk penyakit kronik supaya menggunakan perkhid-

matan VAS.

"Antara perkhidmatan VAS ditawarkan adalah Ubat Melalui Pos (UMP), farmasi pandu lalu, Locker4U dan sistem temu janji farmasi seperti telefon dan ambil atau SMS dan ambil.

"Pesakit digalakkan menggunakan perkhidmatan pembekalan UMP dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini. UMP membolehkan ubat dihantar terus ke rumah pesakit tanpa perlu datang ke hospital atau klinik kesihatan," katanya.

Noor Hisham berkata, sebelum ini kos penghantaran

ubat dianggarkan antara RM5.30 hingga RM10.60 ditanggung pesakit dan perlu dibayar secara tunai kepada Pos Malaysia ketika pesakit menerima bekalan ubat.

Namun untuk meringankan beban pesakit, beliau berkata, KKM menanggung kos penghantaran ubat melalui UMP dianggarkan berjumlah RM638,000 bermula 6 April sehingga 30 Jun.

"Ubat yang boleh dibekalkan melalui UMP adalah ubat biji seperti tablet dan kapsul.

"Bagi ubat cecair dan ubat memerlukan cara penyim-

panan khusus seperti insulin yang perlu disimpan dalam peti sejuk pada suhu 2 hingga 8 darjah celsius, pesakit disarankan menggunakan pilihan perkhidmatan VAS yang lain," katanya.

Katanya, pesakit boleh menghubungi unit farmasi di fasiliti KKM di mana mereka menerima rawatan untuk didaftarkan bagi mendapatkan perkhidmatan itu.

Orang awam mempunyai pertanyaan mengenai ubat-ubatan boleh menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (NPCC) di talian 1800-88-6722.



'Uji' Covid-19 3 minit

KKM nafi beri kelulusan penjualan kit ujian pantas dengan harga RM99 di media sosial



Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Ketika ramai masih mencari kit ujian pantas Covid-19 ada pihak dikesan cuba mengambil kesempatan menawarkan peralatan itu tanpa kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Sejak beberapa hari lalu, ada beberapa iklan di Facebook (FB) menawarkan

orang ramai kit ujian pantas Covid-19 dengan harga RM99 jauh lebih murah daripada bayaran dikenakan hospital swasta.

Iklan itu mendakwa kit ujian itu mampu memberikan keputusan dalam tempoh tiga minit berbanding beberapa jam mengikut prosedur operasi standard (SOP) KKM dan hospital swasta menawarkan perkhidmatan itu.

Mengesahkan perkara itu, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, setakat ini tiada kit ujian Covid-19

dibenar dijual secara terbuka kepada orang ramai.

Menurutnya, KKM tidak mengeluarkan sebarang kebenaran kepada mana-mana syarikat menjual kit ujian pandemik berkenaan.

"Setakat ini tidak ada yang boleh digunakan untuk pengesanan (Covid-19) kerana tiada kelulusan untuk diagnosis," katanya.

Dr Noor Hisham juga mengingatkan orang ramai berwaspada dengan tawaran kit ujian pantas dijual di laman sosial dan disarankan mendap-

lumat lanjut daripada KKM.

Hasil penelitian Harian Metro mendapati iklan menjual kit ujian itu mula tular sejak beberapa hari lalu menerusi FB mendapat respon warga maya.

Kebanyakan mereka berminat mengetahui keberkesanan dan harga kit ujian dipercayai dari China itu.

Malah, ada dakwaan menyatakan kit ujian dijual masih dalam tempoh percubaan dan tiada data sahih keberkesanan peralatan itu.

KKM sebelum ini memutuskan selain hospital, pusat kesihatan kerajaan serta hospital swasta juga dibenarkan menawarkan ujian saringan Covid-19 dengan bayaran dianggarkan lebih RM500 dan perlu ditanggung sendiri mereka yang mahu diuji.



DR Noor Hisham

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL

Peranan semua bendung Covid-19

Kuala Lumpur: Semua sektor memainkan peranan masing-masing dalam mengurus dan membendung wabak Covid-19 di Malaysia.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kesihatan adalah tanggungjawab bersama kerana setiap sektor adalah sektor kesihatan.

"Sempena Hari Kesihatan Sedunia hari ini (semalam), saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua petugas perubatan dan kesihatan terutama mereka di barisan hadapan sama ada sektor swasta, sukarelawan dan badan bukan kerajaan (NGO).

"Sekalung penghargaan kepada petugas belakang tabir yang memainkan peranan penting sebagai tulang belakang dalam memastikan kesiapsiagaan dan kelancaran respons di lapangan," katanya pada sidang media harian Covid-19 di Putrajaya semalam.

Dr Noor Hisham berkata, dalam situasi getir petugas



Perjuangan ini kita perlu pikul bersama sehingga kita berjaya mengakhiri penularan pandemik ini"

Dr Noor Hisham Abdullah

barisan hadapan dan belakng tabir bekerja bertungkus-lumus tanpa mengenal lelah namun mereka cecal berjuang.

"Perjuangan ini kita perlu pikul bersama sehingga kita berjaya mengakhiri penularan pandemik ini," katanya.

Beliau sekali lagi menasihati orang ramai supaya duduk di rumah dan mengamalkan tahap kebersihan yang optimum serta penjarakan sosial.

Katanya, KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan melalui segala maklumat diperolehi dan akan memaklumkan kepada rakyat.



Oleh Amir Abd Hamid dan Raja Noraina Raja Rahim
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) melaporkan satu lagi pertambahan kes kematian berkai-

170 kes positif

Hanya satu pertambahan kematian dicatatkan

tan wabak Covid-19, setakat 12 tengah hari semalam.

Peningkatan itu menjadikan jumlah keseluruhan kematian di Malaysia adalah 63 orang atau 1.6 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes kematian ke-63 (kes ke-3,794) adalah lelaki tempatan 71 tahun berasal dari Perlis.

Beliau mempunyai sejarah menghadiri perhimpunan keagamaan di Sulawesi, Indonesia pada 17 Mac sehingga 24 Mac lalu.

"Beliau dirawat di Hospital

Enche' Besar Hajah Kalsom, Johor pada 5 April dan disahkan meninggal dunia jam 11 malam, keesokannya," katanya pada sidang media harian Covid-19 di Putrajaya, hari ini.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 170 kes positif baharu direkodkan di negara ini menjadikan jumlah kumulatif kes positif adalah 3,963 kes.

Katanya, daripada jumlah itu, seramai 92 menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 50 memerlukan bantuan pernafasan.

Tambah beliau, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut mencatatkan 80 pesakit dibenarkan keluar hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan 1,321 pesakit sembuh daripada jangkitan itu.


**“
Beliau dirawat
pada 5 April dan
disahkan
meninggal dunia
jam 11 malam
Dr Noor Hisham
Abdullah**

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

KKM perlu 10 hari saring penghuni Malayan Mansion, Selangor Mansion



Kedudukan Malayan Mansion dan Selangor Mansion yang terletak di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur.

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memerlukan 10 hari untuk membuat saringan terhadap 6,000 penghuni di Malayan Mansion dan Selangor Mansion di Kuala Lumpur yang merupakan lokasi terbaharu dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, setiap blok mempunyai kira-kira 2,500 penghuni.

"Kita jangkakan dalam tempoh 10 hari dapat menyaring kesemua penduduk di kawasan berkenaan," katanya pada sidang akhbar di kementeriannya di sini semalam.

Dengan jangkakan itu, ini bermakna operasi saringan akan melangkaui tarikh akhir fasa kedua PKP yang dijadualkan berakhir 14 April ini.

Dua blok itu terletak di Jalan Masjid India dan kira-kira 500 meter daripada Menara City One yang telah dikenakan PKPD sebelum ini.

Sementara itu, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa berkata, kementeriannya akan berbincang dengan tiga Suruhanjaya Tinggi perwakilan asing bagi memberi penerangan kepada penghuni terlibat memandangkan kebanyakannya merupakan warga India, Pakistan dan Bangladesh.

Menurutnya, beliau difahamkan terdapat unit kediaman di bangunan tersebut yang terlalu sesak dengan penghuni.

"Dianggarkan hampir 20 atau 30 orang mendiami satu unit flat," katanya di sini semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

MEMERANGI WABAK COVID-19

#JanganPutusAsa
#Malaysia
Sinar

Peserta himpunan di Sulawesi korban baharu

Mangsa merupakan lelaki berumur 71 tahun dan berasal dari Perlis

Oleh TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Seorang warga emas yang menghadiri perhimpunan keagamaan di Sulawesi pada pertengahan bulan lalu menjadi korban terbaru koronavirus (Covid-19) di Malaysia.

Ini sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kematian di Malaysia sebanyak 63 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, mangsa merupakan kes positif ke-

3,794 melibatkan lelaki berumur 71 tahun dan berasal dari Perlis.

"Dia menghadiri perhimpunan itu selama tujuh hari bermula 17 Mac dan dirawat di Hospital Enche' Besar Hajjah Kalsom, Johor pada 5 April 2020 dan disahkan meninggal dunia jam 11 malam semalam (kelmarin)," katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di sini semalam.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan (KKM) turut merekodkan 170 kes baharu.

"Ini menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 3,963 kes," katanya.

Beliau berkata, sehingga kini, seramai 92 kes positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU).

"Daripada jumlah itu, sebanyak 50 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Beliau berka-

ta, sebanyak 80 kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj semalam.

"Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada Covid-19 dan telah discaj dari wad adalah sebanyak 1,321 kes bersamaan dengan 33.33 peratus daripada jumlah keseluruhan," katanya.

Bersempena dengan Hari Kesihatan Sedunia semalam, Dr Noor Hisham mengambil kesempatan memberi penghargaan kepada petugas perubatan dan kesihatan terutamanya mereka daripada barisan hadapan dalam memerangi Covid-19.

"Sesungguhnya kesihatan tanggungjawab kita bersama kerana setiap sektor adalah sektor kesihatan.

"Dalam situasi getir ini, petugas di barisan hadapan dan belakang tabir sedang bekerja bertungkus lumus tanpa mengenal lelah, namun mereka terus cecal berjuang.

"Perjuangan ini kita perlu pikul bersama sehingga berjaya mengakhiri penularan pandemik ini," katanya.

Tiada dalil BCG mampu kurangkan kes Covid-19

PUTRAJAYA - Tiada dalil menunjukkan vaksin Bacillus Calmette-Guerin (BCG) yang disuntik pada usia kanak-kanak mampu mengurangkan kadar jangkitan koronavirus (Covid-19).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, penyelidikan bersepadu perlu dilakukan bagi membolehkan vaksin dikeluarkan di pasaran.

"Sebelum ia digunakan, penyelidikan ke atas manusia perlu dilakukan sekurang-kurangnya enam hingga sembilan bulan," katanya di sini semalam.

Mengulas mengenai penggunaan ubat terhadap pesakit Covid-19, beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menggunakan ubat antimalaria, Hydroxychloroquine dan kombinasi Lopinavir dan Ritonavir serta Chloroquine.

"Hydroxychloroquine berkesan untuk antiradang. Ia membantu dari segi inflamasi sekali gus melewati tahap jangkitan Covid-19," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, kesan sampingan penggunaan ubat berkenaan dipantau KKM.

Katanya, hanya tujuh peratus daripada keseluruhan kes sedang dirawat berada pada tahap ketiga. Sementara itu, bekalan bahan ujikaji mengesan Covid-19 iaitu reagen hanya bertahan seminggu.

Jelasnya, masalah itu timbul sejak minggu lalu apabila pembekal gagal menyediakan bekalan.

Katanya, KKM telah menghubungi pembekal untuk mendapatkan bekalan dalam masa terdekat.

Reagen di Malaysia menggunakan kaedah Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (rRT-PCR).



DR NOOR HISHAM

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : NASIONAL

* KKM galak pesakit kronik dapatkan bekalan ubat secara pos

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menggalakkan pesakit kronik mendapatkan bekalan ubat melalui empat kaedah Perkhidmatan Tambah Nilai Farmasi (VAS) yang sedia ada sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, mereka boleh mendapatkan bekalan itu menerusi kaedah Ubat Melalui POS (UMP), Farmasi Pandu Lalu, Locker4U dan Sistem Temu Janji Farmasi (Contoh: telefon & ambil, SMS & ambil dan seumpamanya).

Beliau berkata, pesakit digalakkan menggunakan perkhidmatan pembekalan UMP dalam tempoh PKP kerana perkhidmatan itu membolehkan ubat terus dihantar ke rumah tanpa perlu pergi ke hospital atau klinik kes-

ihatan.

"Bagi meringankan beban pesakit, bermula 6 April hingga 30 Jun ini, kos penghantaran ubat melalui perkhidmatan UMP yang dianggarkan sebanyak RM638,000 akan ditanggung oleh KKM.

"Kepatuhan pesakit terhadap rawatan yang diberikan adalah penting dan bagi memastikan bekalan ubat tidak terganggu di samping jarak sosial dikekalkan ketika PKP," katanya dalam laman Facebook beliau semalam.

Sebarang pertanyaan tentang ubat-ubatan juga boleh dibuat dengan menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (National Pharmacy Call Centre, NPCC) melalui talian **1800-88-6722** (Isnin hingga Jumaat, 8 pagi - 5 petang kecuali cuti umum). - *Bernama*

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION/NEWS

REPORTS BY: Adib Povera, Nuradzimmah Daim, Audrey Dermawan, Veana Babulal, Dawn Chan, Arfa Yunus, Hana Naz Harun, Nor Ain Mohamed Radhi, Kalbana Perimbanayagam, Esther Landau, Teoh Pei Ying, Teh Athira Yusof, Khairah N. Karim, Rahmat Khairulrijal, Azdee Amir, Meera Murugesan, Hanna Hussein, Nur Zarina Othman, T.N. Alagesh, Avita Geraldine, Olivia Miwil, Zahratulhayat Mat Arif, Mohamed Bashir and Farah Solhi

3 MORE RED ZONES

ONLY 5PC OF COVID-19 PATIENTS IN ICU

Rate of patients needing intensive care lower than in other countries, says Health D-G

PUTRAJAYA

THE rate of patients being treated in Intensive Care Units (ICUs) for Covid-19 in Malaysia is lower than in other countries, Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said.

He said only about five per cent of 3,963 Covid-19 patients were admitted to ICUs.

"More than 30 per cent of patients have been cured and discharged, and the death rate stands at 1.6 per cent," he said at a press conference here yesterday.

He said another 80 people had been cured of the virus and were allowed to be discharged, bringing the tally of cured patients to 1,321, or 33.3 per cent.

In Malaysia, 88 per cent of Covid-19 patients were in Stages 1 and 2, seven per cent in Stage 3, and five per cent in Stages 4 and 5.

In Stage 1, patients usually test positive, but do not show any symptoms. Stage 2 is when a patient tests positive, but only shows mild symptoms.

In Stage 3, patients will start to develop some form of pneumonia, while those in Stage 4 will start having breathing difficulties and need oxygen support.

Stage 5 involves patients who can no longer breathe on their own and have to be incubated and put on ventilators.

Dr Noor Hisham said up to 12pm yesterday, the ministry had recorded 170 new positive cases.

Of the 3,963 cases, 92 were

warded in ICUs and 50 required breathing aid, he added.

He also said the Crisis Preparedness and Response Centre had been notified of one more death related to Covid-19 yesterday, increasing the death toll to 63, or 1.59 per cent of the total cases.

The 63rd fatality (Case 3,794) involved a 71-year-old man from Perlis.

"He had a history of travelling to Sulawesi, Indonesia, to attend the religious assembly from March 17 to March 24.

"He was admitted to Enche' Besar Hajjah Kalsom Hospital in Johor on April 5 and was pronounced dead on April 6 at 11pm."

He said the ministry had recorded 69 sporadic transmissions of Covid-19, which had no clear source of infection.

He, however, said the number of sporadic cases was small.

"Yes, we have sporadic cases. From the daily testing records, we have performed 8,025 tests for sporadic infections, where 69 were positive."

He added that all health personnel had been advised to treat severe acute respiratory infections (SARI) and influenza-like illnesses (ILI) in clinics and ICUs as Covid-19.

"We have informed all healthcare workers to treat the SARI and ILI cases as Covid-19 until proven otherwise, and for all healthcare workers to protect themselves.

"Make sure you are protected before examining them."

On reagents, Dr Noor Hisham said the ministry had identified three suppliers.

However, he said the suppliers could only supply 40 per cent of the ministry's needs.

"The current stock we have for reagents could only last us a week, but we have contacted the suppliers to urge them to increase their production."



Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah (centre) giving an update on the Covid-19 situation in Putrajaya yesterday. PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

The ministry, he said, was working on shortening the testing turnaround time.

He said 43 labs had the capacity to test 11,500 samples and the ministry was in the process of increasing the number to 16,500.

"We have limited resources in terms of testing, but we are using all expertise together with technical documents to localise high-risk groups.

"If we find a rapid antigen test kit that has high accuracy and reliability, we can use them at points of care and all you would need is a biosafety cabinet and you will get a report within one or two hours," he said, adding that the current waiting time for the report was between 24 and 48 hours.

Dr Noor Hisham said there was no evidence or clear studies that prove that the Bacillus Calmette-Guérin vaccine, primarily used against tuberculosis, could reduce the infection rate of Covid-19.

He said if a vaccine was found, education must be carried out

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION/NEWS



in the community for six to nine months before it was implemented.

"We hope that with the integrated studies with other countries, we can generate data and education that we can use in the future.

"Studies are being done by the World Health Organisation and other countries to find a vaccine (for Covid-19), and it will take more than a year before it will be in the market."

Earlier, in a press statement, the Health Ministry said three more areas had become Covid-19 red zones — Putrajaya, Rembau in Negri Sembilan and Jasin in Melaka — after recording 41 or more positive Covid-19 cases.

Putrajaya and Rembau had recorded 41 cases, while Jasin recorded 42. Rembau is Negri Sembilan's second red zone after Seremban, while Jasin is Melaka's first red zone.

A district or location is designated a red zone if it registers more than 40 Covid-19 cases.

Lembah Pantai remains the location with the highest number of Covid-19 patients with 386 cases, followed by Hulu Langat (324) and the Petaling district (296).



Putrajaya was designated a red zone after it recorded 41 Covid-19 positive cases yesterday. BERNAMA PIC

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

71-year-old man latest casualty of Covid-19, bringing death toll to 63

BY RAJVINDER SINGH
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Another person has died from Covid-19, bringing the death toll in the country to 63 while the number of infected climbed by 170 to 3,963.

Health Director-General Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the 71-year-old man who died at the Enche' Besar Hajjah Khalsom Hospital in Klang had attended a religious gathering in Sulawesi, Indonesia.

He said the man from Perlis was admitted on Sunday and died at 11 pm on Monday.

Noor Hisham said 80 people were discharged, bringing the total number of people allowed to return home to 1,321.

"There are 92 people being treated in the Intensive Care Unit, with 50 requiring ventilators to help them breathe," he said yesterday.

Noor Hisham said 69 of the 170 new cases have no clear source of

infection and were unrelated to any of the major clusters.

He said the number of cases were small compared with the total number of cases reported.

Some of the cases that previously appeared to be sporadic infections were later traced to established clusters, but investigators were unable to resolve these 69 cases, he added.

The government has added two more locations to the enhanced movement control order list - the Selangor Mansion and the Malaysian Mansion buildings in Jalan Masjid India, Kuala Lumpur.

The other areas on the list are Simpang Renggam (Kluang, Johor), Hulu Langat (Selangor) and Menara City One on Jalan Munshi Abdullah.

On Malaysian workers in Singapore, Noor Hisham said the government was discussing the matter with the Singaporean authorities to get employers to allow their workers to stay on for 14 days.

+

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

* Latest casualty attended gathering in Sulawesi

PUTRAJAYA: Malaysia's latest Covid-19 casualty is a 71-year-old man who had attended a religious gathering in Sulawesi, Indonesia last month.

Identified as Patient 3764, he took part in the event from March 17 to 24, said Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

"The man from Perlis was treated at Hospital Enche' Besar Hijh Kalsom, Johor on April 5. He was declared dead at 11pm on April 6," he said yesterday.

An estimated 83 Malaysians were present in the tabligh gathering, which was attended by about 8,000 people from all over the world.

The latest casualty means that the country's Covid-19 death toll is now 63, which is 1.59% out of 3,963 positive cases.

Dr Noor Hisham also announced 170 new cases as well as 80 more recoveries yesterday. So far, 1,321 patients have been discharged since the outbreak began, with the recovery rate for Malaysia currently at 33.33%.

Meanwhile, Dr Noor Hisham said out of nearly 4,000 Covid-19 cases in the country, 69 had been identified as sporadic cases in which the source of their infection is not known.

He said these were detected from tests conducted on patients who have ILI (influenza-like illness) and SARI (Severe Acute Respiratory Infection).

"For ILI and SARI patients, we have run 8,025 tests to detect whether they are carriers of the virus. We have found from such tests that 69 cases were positive while the rest tested negative.

He said that most of the Covid-19 cases were found to be linked to other clusters.

The biggest cluster that Malaysia has so far is the Sri Petaling tabligh gathering, that comprised about 42% of total cases.

Other significant clusters that have been identified are the Bandar Baru Bangi wedding gathering, the Kuching church gathering and the Italy "imported cluster" also found in Kuching.